**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

# PROSEDUR

# PENGELUARAN SIJIL PENJUALAN BEBAS

DISEDIAKAN OLEH:

CAWANGAN EKSPORT

BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# PROSEDUR PENGELUARAN SIJIL PENJUALAN BEBAS

## 1.0 TUJUAN

Tujuan prosedur ini adalah untuk menguruskan tatacara pengeluaran Sijil Penjualan Bebas yang komprehensif bagi memastikan ianya berada pada standard yang ditetapkan dan mematuhi Akta Makanan 1983, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan undang-undang yang berkaitan.

Ia juga akan menyeragamkan aspek teknikal permohonan dan prosedur pengeluran sijil. Prosedur ini merangkumi produk makanan dan bahan bersentuhan makanan

## 2.0 UNDANG-UNDANG BERKAITAN

2.1 Akta Makanan 1983

2.2 Peraturan-Peraturan Makanan 1985

## 3.0 ANGGOTA YANG TERLIBAT

3.1 Pegawai Teknologi Makanan

3.2 Penolong Pegawai Teknologi Makanan

3.3 Pembantu Tadbir (Kewangan)

## 4.0 SINGKATAN YANG DIGUNAKAN

| | | |
|---|---|---|
| PTM | : | Pegawai Teknologi Makanan |
| PPTM | : | Penolong Pegawai Teknologi Makanan |
| PT | : | Pembantu Tadbir |
| JKN | : | Jabatan Kesihatan Negeri |
| PKD | : | Pejabat Kesihatan Daerah |

## 5.0 SYARAT-SYARAT DAN KRITERIA PERMOHONAN

5.1 Permohonan oleh syarikat yang berdaftar di negara ini;

5.2 Dijual sebagai produk akhir;

5.3 Produk dikilang atau dibungkus atau empunya hak untuk mengilang atau membungkus atau ejen di Malaysia;

5.4 Keputusan analisis makmal memenuhi kriteria berikut:

- 5.4.1 Tidak melebihi 6 bulan dari tarikh permohonan;
- 5.4.2 Makmal yang mendapat pengiktirafan ISO/IEC 17025 - *General Requirements For The Competence Of Testing And Calibration Laboratories*; dan
- 5.4.3 Mematuhi Akta Makanan 1983 & Peraturan-Peraturan Makanan 1985;

5.5 Pelabelan pada bungkusan makanan memenuhi kriteria berikut:

- 5.5.1 Mempunyai ”nama sebutan sebenar” produk;
- 5.5.2 Mempunyai nama syarikat yang bertanggungjawab terhadap produk; dan
- 5.5.3 Tiada akuan kesihatan;

5.6 Produk terdapat di pasaran atau boleh dijual secara bebas di negara ini.

## 6.0 BORANG PERMOHONAN

6.1 Permohonan perlu dikemukakan dengan menggunakan Borang BKKM/FSC/1A seperti di Lampiran 1.

6.2 Pemohon perlu melengkapkan Bahagian A dan Bahagian B pada borang tersebut.

6.3 Dokumen-dokumen lain yang perlu disertakan bersama borang permohonan adalah seperti berikut :

- a) Salinan pengakuan perbadanan syarikat sendirian (Borang 9 atau 13) daripada pejabat pendaftaran syarikat;
- b) Sebarang dokumen yang membuktikan syarikat beroperasi dengan sah di premis pemohon dari agensi kerajaan yang berkaitan seperti lesen kilang atau lesen perniagaan;
- c) Salinan invois tempatan terkini bagi setiap produk (jika berkaitan);

d) Label asal bagi setiap produk;

e) Salinan Sijil Analisis bagi setiap produk; dan

f) Bayaran (Bank Draf/Wang Pos/Kiriman Wang).

6.4 Dokumen-dokumen lain yang berkaitan, sekiranya perlu:

*a)* Surat perlantikan/ perakuan sebagai agen pasaran/*contract manufacturer*

6.5 Permohonan yang tidak lengkap, akan dikembalikan kepada pemohon untuk dilengkapkan.

6.6 Borang permohonan yang telah lengkap diisi berserta dokumen-dokumen yang telah ditetapkan hendaklah dihantar ke Pejabat Pengarah Kesihatan di JKN atau PKD di mana lokasi pemohon berada.

## 7.0 BAYARAN

7.1 Bayaran untuk satu sijil adalah RM 30.00. Satu sijil boleh mengandungi maksima 25 produk.

7.2 Bayaran perlu dibuat dalam bentuk wang pos/bank draf/postal order atas nama “Pengarah Kesihatan Negeri” jika permohonan dibuat di JKN atau ”Pegawai Kesihatan Daerah” jika permohonan dibuat di PKD

## 8.0 TEMPOH MASA BAGI MENGELUARKAN SIJIL PENJUALAN BEBAS

8.1 Tempoh proses permohonan adalah satu (1) hari dari tarikh terima permohonan lengkap.

8.2 Permohonan akan diproses berdasarkan *first in, first out* dengan syarat permohonan adalah lengkap.

8.3 Sekiranya terdapat permohonan untuk meminda sijil atau memerlukan maklumat lain dimasukkan dalam sijil, kelulusan awal diperlukan dan ini akan mempengaruhi tempoh masa pengeluaran sijil.

## 9.0 TEMPOH SAH LAKU SIJIL PENJUALAN BEBAS

9.1 Tempoh sah laku sijil penjualan bebas adalah selama enam (6) bulan dari tarikh sijil dikeluarkan.

## 10.0 PROSES KERJA

| Tanggungjawab | Tindakan | Dokumen Berkaitan |
|---|---|---|
| PTM/ PPTM<br><br>PT Kewangan | 1. Menerima permohonan lengkap dari pemohon. Permohonan yang tidak lengkap akan dikembalikan kepada pemohon untuk dilengkapkan.<br><br>2. Merekodkan di dalam buku rekod<br><br>3. Mengeluarkan resit pembayaran Sijil Penjualan Bebas | Senarai Semak Permohonan Sijil;<br><br>Borang Permohonan Sijil Penjualan Bebas BKKM/FSC/1A;<br><br>Salinan pengakuan perbadanan syarikat sendirian (Borang 9 atau 13) daripada pejabat pendaftaran syarikat;<br><br>Salinan dokumen yang membuktikan syarikat beroperasi dengan sah di premis pemohon dari agensi kerajaan yang berkaitan seperti lesen kilang atau lesen perniagaan;<br><br>Salinan invois tempatan terkini bagi setiap produk (jika berkaitan);;<br><br>Label asal bagi setiap produk;<br><br>Salinan Sijil Analisis bagi setiap produk (6 bulan); dan<br><br>Bayaran (Bank Draf/Wang Pos/Kiriman Wang)<br><br>Dokumen-dokumen lain yang berkaitan, sekiranya perlu:<br>Surat perlantikan/ perakuan sebagai agen pasaran/*contract manufacturer* |
| PTM | 4. Menyemak dokumen dan pematuhan permohonan kepada syarat-syarat Sijil Penjualan Bebas | - |
| PTM | 5. Meluluskan Pengeluaran Sijil Penjualan Bebas. | - |

| Tanggungjawab | Tindakan | Dokumen Berkaitan |
|---|---|---|
| PPTM | 6. Memaklumkan pemohon sekiranya tidak lulus. | - |
| PPTM<br><br>PTM | 7. Mencetak Sijil Penjualan Bebas untuk tandatangan<br><br>8. Menandatangan Sijil Penjualan Bebas | - |
| PPTM | 9. Memaklumkan kepada pemohon untuk serahan<br><br>10. Merekodkan di dalam Fail Sijil Penjualan Bebas | Fail Sijil Penjualan Bebas |

## 11.0 CARTA ALIR PENGELUARAN SIJIL PENJUALAN BEBAS



**LAMPIRAN 1**

**BKKM/FSC/1A**

## PERMOHONAN SIJIL PENJUALAN BEBAS *(FREE SALE CERTIFICATE)*

| | |
|---|---|
| **Tarikh permohonan*:** | **Tarikh Penerimaan (untuk kegunaan pejabat):** |
| **Nama Syarikat*:** | |
| **Alamat Syarikat*:** | |
| **Nama Wakil Syarikat*:** | |
| **No. Telefon *:** | **No. Faks:** |

**Sila ambil perhatian:**
a. Sila lengkapkan Bahagian A dan B.
b. Sila isikan maklumat yang berkaitan di ruangan yang bertanda *.
c. Permohonan yang tidak lengkap akan dikembalikan.

**BAHAGIAN A : SENARAI SEMAK PERMOHONAN**

| BIL | PERKARA | Untuk diisi oleh Pihak Syarikat* (Tandakan √ ) | *UNTUK KEGUNAAN PEJABAT (biarkan ruangan ini kosong)* |
|---|---|---|---|
| 1. | **Lampiran A -** Nama produk & negara pengimport | | |
| 2. | **Salinan** Perakuan Perbadanan Syarikat Sendirian (Form 9/Form 13) | | |
| 3. | **Salinan** dokumen yang membuktikan syarikat beroperasi dengan sah di premis pemohon daripada agensi kerajaan yang berkaitan seperti lesen kilang atau lesen perniagaan; | | |
| 4 | **Salinan** invois tempatan bagi setiap produk (jika berkaitan) | | |
| 5 | Salinan Sijil Analisis bagi setiap produk:<br>• Tidak melebihi 6 bulan dari tarikh permohonan;<br>• Makmal yang mendapat pengiktirafan ISO/IEC 17025 - *General Requirements For The Competence Of Testing And Calibration Laboratories*; dan<br>• Keputusan analisis mematuhi Akta Makanan 1983 & Peraturan-Peraturan Makanan 1985; | | |
| 6 | **Label** setiap produk yang dipohon (dan untuk dieksport sekiranya berbeza).<br>(*Sila susun dan tandakan bilangan mengikut senarai produk seperti dalam LAMPIRAN A)*<br>• Nama sebutan sebenar produk<br>• Syarikat yang bertanggungjawab ke atas produk<br>• Tiada akuan kesihatan | | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 7 | **Surat** perlantikan sebagai agen pasaran/*contract manufacturer* (jika berkaitan) | | |
| 8 | **Bayaran** RM30 bagi setiap sijil (maksimum 25 produk per sijil) [Bank Draf/Wang Pos/Kiriman Wang]* **potong yang tidak berkaitan* | | |

**BAHAGIAN B : Perakuan Wakil Syarikat**

**Semasa menghantar permohonan** :

Saya mengesahkan bahawa semua maklumat dan dokumen yang dikemukakan adalah benar.

------------------------------------------------------------------------
Tandatangan dan Cop Rasmi Syarikat*

Nama wakil syarikat* :_______________________________________________

No Kad Pengenalan* :__________________________________

Tarikh* : ________________________

**UNTUK KEGUNAAN PEJABAT** ***(biarkan ruangan ini kosong)*****:**

| STATUS | CATATAN |
|---|---|
| LENGKAP ☐<br>TIDAK LENGKAP ☐ | |
| LULUS ☐<br>TIDAK LULUS ☐ | |

Diproses oleh:

………………………………………………….
(Tandatangan)

Nama: ................................................

Tarikh: ................................................

Disemak dan Diluluskan oleh:

………………………………………….
(Tandatangan)

Nama:..................................................

Tarikh: .................................................

**LAMPIRAN A**

**SENARAI PRODUK DAN NEGARA PENGIMPORT BAGI PERMOHONAN SIJIL PENJUALAN BEBAS**

**Nama Syarikat :………………………………………………………………………………..**

| BIL | SENARAI PRODUK | SAIZ (KG/G/ML) | NAMA NEGARA PENGIMPORT | *UNTUK KEGUNAAN PEJABAT (biarkan ruangan ini kosong)* |
|---|---|---|---|---|
| 1 | | | | |
| 2 | | | | |
| 3 | | | | |
| 4 | | | | |
| 5 | | | | |
| 6 | | | | |
| 7 | | | | |
| 8 | | | | |
| 9 | | | | |
| 10 | | | | |
| 11 | | | | |
| 12 | | | | |
| 13 | | | | |
| 14 | | | | |
| 15 | | | | |
| 16 | | | | |
| 17 | | | | |
| 18 | | | | |
| 19 | | | | |
| 20 | | | | |
| 21 | | | | |
| 22 | | | | |
| 23 | | | | |
| 24 | | | | |
| 25 | | | | |

LAMPIRAN 2

## CONTOH SIJIL PENJUALAN BEBAS

FSQD

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

No. Rujukan
*Reference No.:*

### SIJIL PENJUALAN BEBAS
***(FREE SALE CERTIFICATE)***
*(FOR EXPORT PURPOSE ONLY)*

This is to certify that the following products to be exported to **Brunei** are produced by **Syarikat ABCD Sdn Bhd, No. 123, Jalan Aman 1, Taman Budiman, 55200, Cheras, Kuala Lumpur, Malaysia.**

| **Product:** | **Size:** |
|---|---|
| **ABCD Mixed Coffee Drinks** | **250ml** |
| **ABCD Mixed Coffee Drinks** | **500ml** |
| **ABCD Lemon Tea Drinks** | **250ml** |
| **ABCD Lemon Tea Drinks** | **500ml** |

These products can be freely sold in Malaysia subject to compliance with the Food Act 1983 & Food Regulations 1985.

Tandatangan: ..................................
*Signature:*

Jawatan: ..................................
*Designation:*

Tarikh Keluaran: ..................................
*Date of Issue:*

Cop Rasmi: ..................................
*Official Stamp*

FOOD SAFETY AND QUALITY DIV. MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Sijil ini adalah sah untuk 6 BULAN dari tarikh keluarnya. Pengeluaran sijil ini bukannya bermaksud bagi tujuan pameran atau pengiklanan.

*This certificate is valid for 6 MONTH from the date of issue. This certificate is not meant for display or use as an advertisement.*